

HARI : SABTU  
TARIKH : 26/10/2019  
M/SURAT : 16A

### Harga runcit RON97 turun 9 sen

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 turun sembilan sen seliter daripada RM2.68 seliter kepada RM2.59 seliter manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa jam 12 tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya berkata, harga runcit ketiga-tiga produk petroleum itu adalah bagi tempoh 26 Oktober hingga 1 November.

Katanya, ia berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama masing-masing sepatutnya RM2.29 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.38 seliter dan diesel yang berada pada paras RM2.31 seliter," katanya, semalam.